

30/06/2003

SPR sudah bersedia hadapi pilihan raya Sabah

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya bagi negeri Sabah yang diramalkan diadakan pada bila-bila masa meskipun penggal pemerintahan sekarang hanya berakhir Mac tahun depan.

Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata sebaik saja Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dibubarkan, SPR menjangka tidak menghadapi masalah untuk menggerakkan jentera pilihan raya.

"Kita sudah mula membuat persiapan untuk pilihan raya negeri Sabah sejak beberapa bulan lalu. Bila DUN dibubarkan, tak ada masalah untuk kami menjalankan urusan pilihan raya.

"Persiapan peringkat akhir, cuma membabitkan latihan saja yang kita tidak boleh buat terlalu awal, takut petugas lupa pula," katanya ketika dihubungi semalam.

Pemerhati politik sejak akhir-akhir ini meramalkan pilihan raya negeri Sabah kemungkinan besar diadakan lebih awal dan ia juga akan menjadi ujian pertama bagi Datuk Musa Aman yang dilantik sebagai Ketua Menteri, Mac lalu.

Lawatan sehari Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Sabah hari ini, juga menghangatkan lagi ura-ura kemungkinan itu.

Timbalan Perdana Menteri akan merasmikan mesyuarat Peguam Negara Asean mengenai kerjasama di dalam Perjanjian Soal-soal Jenayah di Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu pagi ini sebelum melawat Pulau Sipadan dan malam ini menghadiri jamuan bersama parti komponen Barisan Nasional (BN) di Hotel Magellan Sutera.

Mengenai tambahan 12 kerusi DUN baru untuk Sabah, Wan Ahmad berkata, ia boleh ditandingi setelah sidang DUN Sabah meluluskan pindaan perlembagaan negeri.

Katanya, pindaan Perlembagaan Persekutuan 2003 yang diluluskan Dewan Rakyat Selasa lalu, adalah bagi membolehkan tambahan 25 kerusi Parlimen baru untuk ditandingi dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, 63 kerusi DUN yang baru, termasuk 12 untuk Sabah hanya boleh ditandingi sebaik saja sidang DUN meluluskan pindaan perlembagaan negeri masing-masing.

Tambahan kerusi yang disyorkan ialah dua untuk Kelantan; Pulau Pinang (7); Perak (7); Pahang (4); Selangor (8); Negeri Sembilan (4); Melaka (3); Johor (16), selain 12 untuk Sabah.

Ia menjadikan kerusi DUN di seluruh negara bertambah daripada 442 kerusi kepada 505 kerusi.

Baru-baru ini, Musa berkata, bahawa Barisan Nasional (BN) Sabah

menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan masa sesuai bagi mengadakan pilihan raya negeri.

Ketua Menteri Sabah itu berkata, terserah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada pilihan raya negeri itu diadakan sebelum atau selepas Perdana Menteri bersara Oktober nanti.